

MALAYSIA

RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH 1996 – 2000



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH 1996 – 2000



PUSTAKA PERDANA



1008307



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1996

ISSN 0128-8504

Hakcipta Terpelihara

Untuk maklumat teknikal selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
50502 Kuala Lumpur,
MALAYSIA.

FAX: 03-2914268
TELEX: EPU PM MA 30098

Dikeluarkan pada 6 Mei 1996

Harga: RM60

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:

Pengurus Besar,
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.

FAX:03-2224773

Kulit luar direkabentuk oleh
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

RUKUNEGARA

PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA NEGARA .KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan

Kesetiaan kepada Raja dan Negara


Keluhuran Perlembagaan

Kedaulatan Undang-Undang

Kesopanan dan Kesusilaan



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA MENTERI
MALAYSIA

Kata Pendahuluan

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), 1996-2000, meliputi fasa kedua Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000. RMT disedia berasaskan kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam (RME), 1991-1995 dan bertujuan membawa negara ke abad kedua puluh satu secara berkesan. Rancangan ini merupakan adunan pragmatik strategi-strategi dan program-program pembangunan yang baru dan yang telah terbukti keberkesannya. Ianya dirangka berasaskan, sebahagian besarnya, kepada matlamat-matlamat dan strategi-strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang termaktub dalam RRJP2. RMT juga mengandungi beberapa strategi baru bagi menangani cabaran dan perubahan yang dijangka dihadapi oleh masyarakat dan ekonomi Malaysia.

RMT mengekal dan meneruskan penekanan kepada konsep pembangunan seimbang yang telah diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 1991 sebagai ciri utama DPN. Ianya terus memberi perhatian yang serius kepada strategi-strategi bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan di samping memastikan hasil pertumbuhan ekonomi negara diagihkan secara saksama di kalangan rakyat Malaysia daripada semua kumpulan etnik dan antara negeri-negeri serta penduduk bandar dan luar bandar. Di samping memberi perhatian kepada pertumbuhan yang saksama, Rancangan ini juga mengambilkira keperluan mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar dan sumber semulajadi negara. Ianya juga memberi perhatian kepada kemunculan pelbagai masalah sosial di Malaysia akibat daripada pembangunan ekonomi yang pesat.

Manakala teras dasar pembangunan dalam tempoh RMT akan terus berlandaskan konsep pembangunan seimbang, strategi-strategi bagi mencapainya akan mengandungi beberapa ciri baru. Antaranya adalah peralihan daripada strategi pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh pelaburan atau input yang diutamakan dalam rancangan-rancangan terdahulu, kepada strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Peralihan ini akan memerlukan peningkatan

keupayaan dan daya usaha kepimpinan dalam mengurus dan mengendalikan sumber bagi menjana produktiviti yang lebih tinggi oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Satu lagi strategi baru adalah peralihan kepada pengeluaran berskala besar bagi eksport oleh industri-industri Malaysia. Ini merupakan langkah susulan yang logik dalam pertumbuhan ekonomi dan industri Malaysia sekiranya negara ingin meningkatkan bahagiannya dalam pasaran dunia. Selanjutnya, peralihan ini akan membolehkan industri yang sedang berkembang mendapat manfaat daripada ekonomi bidangan sementara penambahan jualan kepada pasaran dunia akan membantu mengukuhkan kedudukanimbangan pembayaran Malaysia.

RMT mengiktiraf kepentingan sumber manusia bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti. Oleh yang demikian, langkah akan dipergiatkan lagi untuk memperkukuh asas tenaga manusia di Malaysia melalui penambahan pelaburan dalam bidang latihan dan pendidikan. Bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh, RMT menggalakkan firma-firma beralih daripada sistem pengeluaran berintensifkan buruh kepada sistem berintensifkan modal. Penggunaan sumber tenaga buruh bukan tradisional pula akan membantu mengurangkan ketegangan pasaran buruh dan pergantungan negara kepada buruh asing.


Rancangan ini juga mengandungi beberapa strategi baru untuk memperluas dan memperkayakan asas sains dan teknologi (S&T) di Malaysia. Di samping menambah pelaburan dalam pembangunan gunatenaga peringkat tinggi S&T, Rancangan ini juga mengandungi beberapa cadangan bagi mencapai peningkatan daripada segi kualiti seperti menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan S&T, memupuk inovasi dan rekacipta tempatan serta mewujudkan kerjasama yang lebih erat di antara agensi penyelidikan, industri dan universiti.

Seperti dalam beberapa Rancangan yang lalu, RMT menekankan penerusan strategi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta. Sektor swasta telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi dan negara. Kini, sektor swasta perlu melipatgandakan usaha bagi menghadapi cabaran yang baru dan lebih kompleks, selaras dengan usaha kita menambah bahagian negara dalam pasaran dunia dalam keadaan saingan yang lebih hebat daripada ekonomi-ekonomi pasaran yang baru muncul dan yang kukuh. Dalam hubungan ini, perkhidmatan awam dan Kerajaan, selaras dengan semangat Persyarikatan Malaysia, akan terus menyediakan infrastruktur yang diperlukan dan sokongan yang lain kepada sektor swasta bagi membolehkannya lebih mampu bersaing di peringkat global. Penswastaan yang telah berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi akan terus dipergiatkan.

Seiring dengan fokus yang diberi kepada pertumbuhan dalam RMT, penekanan juga diberi kepada usaha menjayakan sepenuhnya strategi pengagihan. Walaupun program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah menyerupai program dalam tempoh RME, pelaksanaannya akan dipergiat dan diperbaiki bagi memastikan ianya lebih berkesan. Elemen yang penting adalah penglibatan yang lebih besar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Sektor swasta khususnya dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di samping menyumbang ke arah kejayaan program mengurangkan kemiskinan.

RMT dirangka untuk membawa Malaysia memasuki ambang abad ke dua puluh satu bukan sahaja lebih kukuh daripada segi ekonominya tetapi juga lebih bersatu sebagai sebuah negara. Pada waktu itu, Malaysia dijangka bersedia sepenuhnya daripada segi ekonomi, sosial dan psikologi bagi menghadapi cabaran abad yang baru dan menuju ke arah tahun 2020 dan tahun-tahun berikutan dengan gigih dan penuh keyakinan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penyediaan RMT. Penyediaannya adalah satu usaha yang merangkumi berbagai pihak dan melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pegawai-pegawai kanan awam dan sektor swasta, persatuan-persatuan profesional dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Proses penyediaan RMT yang bermula pada penghujung tahun 1994 adalah lengkap dan menyeluruh dan saya percaya Rancangan ini sebahagian besarnya telah berjaya mengambilkira harapan dan aspirasi rakyat Malaysia pada keseluruhannya terhadap ekonomi dan negara dalam kita menuju ke arah tahun 2000. Sekarang ini, terpujanglah kepada kita semua, iaitu pihak Kerajaan, perkhidmatan awam, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua rakyat Malaysia untuk sama-sama berusaha bagi memastikan kejayaan RMT.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri, Malaysia

Kuala Lumpur
6 Mei 1996



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA